PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (050-065)

Ketaksaan Figuratif dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak

[1]Abir Wardati Nasruddin, [2]Zuraini Jusoh,
[3]Sharil Nizam Sha'ri & [4]Zaitul Azma Zainon Hamzah
[1]wardati95@gmail.com, [2]zurainijusoh@upm.edu.my,
[3]sharil@upm.edu.my & [4]azmahamzah@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh terima : 21 April 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 5 Mei 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2021
Published online

Abstrak

Ketaksaan figuratif terjadi apabila adanya unsur polisemi dan kiasan dalam kata dan ungkapan yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak. Ketaksaan figuratif berkait rapat dengan unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya . Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. Data kajian terdiri daripada laporan berita bola sepak Liga Perdana Inggeris yang mempunyai ketaksaan figuratif sahaja. Data kajian yang diakses melalui Internet dikumpulkan menggunakan kaedah analisis teks dan dianalisis menggunakan Teori Relevans. Hasil kajian mendapati daripada 22 data kajian didapati sebanyak 15 data yang memperlihatkan ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. Dapatan kajian juga menunjukkan pembentukan makna kata yang figuratif turut mengubahkan makna literal suatu kata itu. Di samping itu, kataksaan figuratif turut memperlihatkan kebolehan seseorang penulis itu mengolah bahasa penulisannya dengan kreatif dan imaginatif. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang kaya dengan nilai estetika bahasa. Oleh itu, para penulis laporan berita sukan bola sepak harus bijak menggunakan pelbagai gaya bahasa dalam laporan sukan bola sepak mereka bagi menarik minat pembaca.
Kata kunci: Ketaksaan Figuratif, Laporan Sukan, Internet, Teori Relevans

Figurative ambiguity in Football Sports News Reports

Abstract

Figurative ambiguity occurs when there are elements of polysemy and allusion in words and expressions that produce contradictions and inequalities of reference meanings in football sports news reports. Figurative ambiguity are closely related to elements of polysemy at the lexicon level and cultural differences. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze figurative ambiguity in football sports news reports. The study data consisted of English Premier League football news reports that had only figurative ambiguity. Study data accessed via the Internet were collected using text analysis methods and analyzed using Relevance Theory. The results of the study found that out of 22 research data, there were 15 data that showed figurative ambiguity in football sports news reports. The findings also show that the formation of figurative word meanings also changes the literal meaning of a word. In addition, figurative expression also shows the ability of a writer to process his writing language creatively and imaginatively. It is thus shown that the Malay language is a

language rich in aesthetic language. Therefore, the writers of football sports news reports should be wise to use various styles of language in their football sports reports to attract the interest of the readers.

Keywords: figurative ambiguity, Football Sports Report, Internet, Relevance Theory

---

1. Pengenalan

Adakalanya hubungan antara rujukan, perbendaharaan ungkapan dengan objek dalam realiti serta di dunia mental kita adalah terikat dengan hubungan antara satu sama lain sehingga menimbulkan ketaksaan. Ketaksaan merupakan perkataan atau ayat yang mengandungi lebih daripada satu makna. Ketaksaan juga bermaksud perihal atau keadaan yang taksa iaitu yang mengalami kekaburan makna dalam ayat yang dapat diatasi jika tanda baca yang digunakan adalah betul. Menurut Hajar Abdul Rahim (1999) ketaksaan merujuk kepada lebih daripada satu makna. Dalam erti kata lain, ketaksaan adalah satu jenis ketidakjelasan makna bahasa dalam bentuk lisan atau tulisan yang berlaku dalam bentuk kata, klausa, ayat dan wacana (Erik Santoso, 2020).

Harimurti Kridalaksana (1982) mendefinisikan ketaksaan atau ambiguitas sebagai ‘sifat konstraksi yang dapat diberikan lebih daripada satu tafsiran’. Apabila terdapat ungkapan yang taksa, ungkapan itu memerlukan penganalissisan teks atau laporan yang dibuat dengan lebih mendalam serta terperinci bagi merungkai makna ungkapan yang taksa tersebut (Harimurti Kridalaksana, 1982).

Dalam sesuatu bahasa, terdapat empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif dan ketaksaan yang tidak disengajakan. (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Ketaksaan leksikal adalah kegandaan makna yang ditimbulkan kerana adanya butir-butir leksikal yang memiliki makna ganda baik penerapan pemakainya maupun kerana hal-hal yang bersifat leksidental (Dewa, 2008). Contohnya, kata ramai yang digunakan dalam kalimat:

(1) Siang hari jalan Malioboro sangat *ramai* (bermakna penuh dengan kenderaan)

(2) Seminggu setelah peristiwa kerusuhan, toko mulai *ramai* (bermakna banyak atau penuh pengunjung)

(3) Corak baju yang dipakainya sangat *ramai* (bermakna penuh dengan hiasan)

Ketaksaan leksikal bersifat aksidental kerana kegandaan makna itu terjadi akibat kebetulan leksem-leksem itu memiliki bentuk yang sama secara fonologi mahupu ortografi.

Seterusnya, ketaksaan figuratif berkait rapat dengan adanya unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Menurut Zul Haniz Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) lagi, ketaksaan figuratif ini terjadi apabila sesuatu makna kata atau ungkapan telah dianalisis dalam bentuk figuratif dan bukannya literal.

Ketaksaan jenis yang keempat pula ialah ketaksaan yang disengajakan. Ketaksaan jenis ini sering kali digunapakai oleh penulis bagi mencantikkan gaya penulisan mereka seterusnya menarik minat pembaca. Ketaksaan disengajakan ini sering dilihat dalam iklan, tajuk berita dan penulisan sastera. Hal ini bagi memperlihatkan ciri stilistik dan estetika bahasa dalam teks-teks terutamanya teks sastera.

Penggunaan bahasa yang taksa ini sering kali terjadi dalam kalangan pembaca dan pendengar. Melalui pertuturan juga boleh terjadinya ketaksaan ini. Terutama sekali pada berita atau artikel. Penulis sering kali tidak menyedari bahawa perkara yang ditulisnya itu telah menimbulkan banyak makna kepada pembaca.

Pernyataan Masalah

Dalam sesuatu kata dan ungkapan, akan wujud konsep dan kategori yang dizahirkan atas kebiasaan berbahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sehingga boleh menimbulkan pelbagai pilihan pentafsiran makna tertentu, (Ghenea, 2006) lalu menimbulkan ketaksaan makna leksikal, gramatikal dan figuratif.

Ketaksaan figuratif ini terjadi disebabkan pemilihan kata daripada penulis yang menyebabkan pembaca menjadi keliru dalam menafsirkan makna rujukan bagi sesuatu pemberitaan (Mursia Ekawati & Asri Wijayanti, 2017). Selari dengan ini, timbul persoalan sama ada wujud atau tidak ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak yang rujukannya tidak jelas dan mengelirukan pembaca serta perlu dianalisis berdasarkan konteks.

Oleh itu, pengkaji ingin menyelidik ketaksaan figuratif yang terdapat dalam berita sukan bola sepak dalam talian yang menyebabkan kekeliruan makna kepada pembaca dan perlu dijelaskan makna rujukan berdasarkan konteks.

Di samping itu, Liviany Amelia Hartono (2010) pula mengatakan bahawa kehadiran hasil penulisan yang bersifat taksa ini bukanlah suatu kesalahan yang dilakukan oleh penulis. Keadaan ini berlaku kerana adanya perbezaan interpretasi dan pemahaman khususnya oleh pembaca. Kurangnya penjelasan yang lebih terperinci akan mengakibatkan usaha yang lebih oleh pembaca untuk berfikir dan menganalisis sendiri mengenai mesej sebenar yang terselindung disebalik ketaksaan yang berlaku.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji mendapati wujudnya ruang yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. Justeru pengkaji menyenaraikan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti ketaksaan figuratif yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dan menganalisis ketaksaan figuratif menggunakan teori Relevans.

2. Sorotan Literatur

Kajian Berkaitan dengan Ketaksaan

Kajian lepas yang berkaitan dengan ketaksaan telah dijalankan oleh Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) dalam kajian yang bertajuk, “Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu”. Hasil kajian Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), mendapati bahawa ketaksaan leksikal timbul apabila sempadan makna tidak jelas dan tafsiran dan kefahaman ketaksaan leksikal adalah bergantung kepada konteks. Tambahan mereka lagi, peniaga-peniaga di Terengganu memang gemar menggunakan unsur ketaksaan dalam perbualan mereka. Perkara ini dapat dibuktikan apabila terdapat kekaburan penggunaan kata ganti nama ‘dia’ untuk benda-benda yang tidak bernyawa. Kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan bagi mendapatkan data kajian serta menganalisis data tersebut dengan berdasarkan Teori Relevans. Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) mendapati bahawa pola kata ganti nama diri ‘dia’ mempunyai makna dan mesej yang berbeza serta mempunyai muslihat dan alasan yang tersendiri.

Menurut Iin Andini (2014) dalam kajian beliau yang bertajuk, “Ketaksaan Tindak Tutur dalam Wacana Humor pada Acara Sentilan Sentilun di Metro TV” mengatakan bahawa terdapat beberapa bentuk ketaksaan yang dapat dikesan. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, Iin Andini (2014) mendapati wujudnya ketaksaan fonetik, ketaksaan leksikal dan ketaksaan gramatikal dalam Wacana

Humor pada Acara Sentilan Sentilun di Metro TV. Iin Andini (2014) juga menjelaskan bahawa ketaksaan fonetik merupakan ketaksaan yang berpunca daripada pelafasan bunyi bahasa yang diutarakan. Bentuk ketaksaan yang seterusnya ialah ketaksaan leksikal seperti polisemi, metafora, homonim dan sebagainya.

Kanchana Devi Sibeperegasam, (2007) menjelaskan bahawa pendekatan pragmatik yang sering kali digunakan untuk menganalisis perkataan-perkataan yang taksa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu ialah pendekatan yang bercirikan konteks (linguistik/bukan linguistik), dan analisis teks/wacana. Kanchana Devi Sibeperegasam, (2007) juga mendapati bahawa kesepadanan pragmatik yang dihasilkan menunjukkan keadaan 'lebih terjemah' atau 'kurang terjemah' dalam makna penyampaian maksud sesuatu perkaraan yang taksa. Hal ini dibuktikan lagi dengan dapatan kajian beliau yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah tersirat atau taksa ini wujud apabila terdapatnya konteks bagi maksud yang ingin disampaikan manakala kaedah tersurat ditemui apabila konteks yang ada tidak memadai dalam menyampaikan maksud sesuatu perkataan taksa itu.

Kajian Berkaitan dengan Ungkapan

Penggunaan ungkapan yang tepat dan ringkas sering kali menjadi fokus utama dalam menyampaikan maklumat agar mudah difahami oleh pendengar. Penggunaan ungkapan yang tepat dalam iklan-iklan di radio juga penting supaya pendengar dapat memahami konteks yang ingin disampaikan. Siti Saniah Abu Bakar (2014) telah menjalankan kajian bagi melihat unsur perbandingan dalam ungkapan darjah penghabisan, tingkat ketiadaan, tingkat kelebihan dan tingkat kesangatan yang merupakan salah satu daripada daya cipta bahasa untuk mencapat matlamat retorik dimanipulasikan oleh pengiklan dalam iklan radio. Hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa pengiklan bijak memanipulasikan unsur perbandingan dengan memilih kata dan frasa yang kabur, mengelirukan dan membuatkan pendengar tertanya-tanya tentang maksud pengiklan sebagai strategi pengiklan untuk menarik perhatian pendengar.

Selain itu, Wong Shia Ho (2014) dalam kajian beliau, "Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans" mengatakan bahawa kajian beliau dilakukan bagi memperlihatkan kebijaksanaan Tunku dalam menggunakan kata atau simbol untuk menyampaikan mesejnya kepada pendengar. Simbol yang digunakan adalah berupa dalam bentuk kata dan frasa. Wong Shia Ho (2014) berpendapat bahawa Tunku menggunakan simbol-simbol ini bagi membantu para pendengar menginterpretasikan makna implisit yang ingin disampaikan.

Di samping itu, kajian yang dibuat oleh Li, Zhang dan Du (2014) yang bertajuk, "Ciri Leksikal dalam Lembaran Bahasa Inggeris dan Tabloid: Suatu Analisis Kes", yang membezakan ciri leksikal antara dua jenis akhbar yang berbeza iaitu akhbar cetak seperti 'The New York Times' dan 'The Times', dengan akhbar atas talian iaitu tabloid seperti 'The New York Post' dan 'The Sun'. Perbezaan ini dilihat dalam lima aspek iaitu penggunaan kata majmuk, kata kabur, nombor, kata nama yang betul dan kata yang jelas dengan menggunakan pendekaran kontrastif. Hasil kajian mereka mendapati bahawa dalam penulisan akhbar, terdapat beberapa pembentukan kata majmuk yang baharu dicipta oleh penulis itu sendiri sehingga menimbulkan kekaburan makna. Malahan, penggunaan ungkapan yang tidak jelas pula memperlihatkan kekerapan yang tinggi dalam penulisan akhbar atas talian berbanding dalam penulisan akhbar cetak.

Seterusnya, Ehineni (2014), dalam kajian beliau yang melihat aspek linguistik, iaitu leksikal dan struktur ayat dalam akhbar, berpendapat bahawa pemilihan leksikal khususnya penggunaan singkatan dan akronim dalam penulisan kewartawanan perlulah bersifat umum. Malahan, penggunaan singkatan dan akronim yang tidak diketahui umum perlulah dielakkan. Bucaria (2004) membuat penelitian bahawa kekaburan bahasa dalam aspek leksikal berpunca daripada penggunaan homonim, kata

hubung, kata kerja dan kata nama yang mengandungi makna berganda iaitu *double meaning* dalam penulisan tajuk berita humor yang dihasilkan.

Kajian Berkaitan dengan Laporan Media

Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim (2019) dalam kajian yang bertajuk, "Kohesi dalam Warkah Sosial Melayu Abad ke-17 hingga Abad ke-19", mendapati bahawa kesinambungan hubungan antara kata, klausa dan ayat berlaku dalam berbagai-bagai cara sehingga melahirkan teks yang utuh. Analisis kohesi memandu pengirim warkah menyalurkan unsur tekstual dan membentuk kesinambungan klausa dan ayat sehingga menjadi teks yang lebih besar. Warkah sosial Melayu terbina dengan struktur tersendiri yang membezakannya dengan teks lain.

Siti Suriani Othman et al., (2018) menyatakan bahawa pada zaman kini, masyarakat lebih gemar menggunakan gajet yang berbentuk digital. Sirkulasi akhbar bercetak pula dijangka terus menjunam Dalam kajian Siti Suriani Othman et al., (2018) yang bertajuk, "Masa Hadapan Akhbar Malaysia dalam Masyarakat Jaringan" mendapati bahawa akhbar dalam talian dilihat sebagai alat survival kewartawanan kerana membolehkan kewartawanan berfungsi kepada khalayaknya. Dari segi peluang yang disediakan oleh gajet kepada akhbar Malaysia, dilihat sebagai masa hadapan kewartawanan dalam konteks editor di Malaysia.

Di samping itu, demokrasi menerusi internet telah membuka satu dimensi baru dalam proses komunikasi dan menyebaran maklumat (Fatimah Akmal & Ali Salman, 2015). Dalam kajian yang bertajuk, "Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru (2015), Fatimah Akmal & Ali Salman, (2015), menetapkan tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan demokrasi maklumat menerusi ruang media baru dengan partisipasi politik secara *online* dan *offline* dalam kalangan belia bandar. Berdasarkan kajian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak yang melibatkan responden seramai 250 orang di sekitar Kajang dan Bangi, dapatan kajian Fatimah Akmal & Ali Salman, (2015), menunjukkan bahawa media baru disokong sebagai ruang untuk berdemokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara online dan juga secara *offline*.

Kajian Berkaitan Teori Relevans

Dalam ucapan, makna sebenar ayat yang diujarkan tidak semestinya mengikut penetapan nahu sahaja kerana makna ujaran juga dapat disampaikan secara implisit (Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2014). Siti Zuhaidah dan Nik Rafidah (2014) dalam kajiannya yang bertajuk, "Makna Penutur dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman" telah mendapati bahawa teori Relevan (TR) amat berkesan dalam usaha mendapatkan makna penutur dalam ayat yang digunakan dalam ucapan. Di samping itu, penggunaan TR juga dapat mengesan bahawa ayat yang digunakan dalam ucapan oleh Tunku tidak semestinya berfungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam rumus tatabahasa. Ia juga bergantung kepada keadaan sekeliling, yakni keseluruhan konteks teks tersebut.

Selain itu, Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) telah membuat kajian yang bertajuk, "Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing" dengan menggunakan teori Relevan. Hasil dapatan kajian, mereka mendapati bahawa elemen implisit dalam filem tersebut mendedahkan keperluan untuk memahami ujaran yang disampaikan dengan menggunakan konteks dan kesan konteks. Hal ini juga turut menonjolkan keindahan dan keunikan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu tradisional terutamanya sekitar 60-an.

Wong Shia Ho (2017) dalam kajian yang bertajuk, "Makna Tambahan dalam Penyataan Keputusan Perlawanan Sukan secara Implisit" telah menghuraikan makna yang didukung secara implisit dalam

penyataan keputusan perlawanan bola sepak Liga Perdana Inggeris khususnya berkaitan dengan kemenangan dan kekalahan sesuatu perlawanan. Dengan menggunakan teori Relevans, Wong Shia Ho (2017), mendapati bahawa sesungguhnya makna tambahan yang sukar diperoleh itu dapat diselesaikan. Teori Relevansdidapati berwibawa menginterpretasikan makna tambahan itu melalui penganalisisan makna secara pragmatik, yakni berdasarkan konteks ketika kata atau ungkapan tersebut digunakan.

Sementara itu, Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk, "Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa" telah menerapkan teori RelevansSperber dan Wilson (1986). Hasil kajian Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) mendapati bahawa dengan mendapatkan konteks pemula serta melalui kod, inferens dan andaian yang disyaratkan dalam teori Relevens, makna implisit 'kemiskinan' telah dapat dikesan. Hal ini membuktikan bahawa Usman Awang telah berjaya membawa pembaca merasai kesengsaraan hidup dalam kemiskinan melalui bahasa puitisnya dan emosi sedih dan ia dapat dikesan serta difahami setelah dianalisis dengan menggunakan teori Relevans.

3. Metodologi

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks untuk menganalisis data kajian secara deskriptif berasaskan teori Relevans. Data kajian terdiri daripada 22 laporan berita sukan bola sepak Liga Perdana Inggeris dalam stadium tertutup bermula Jun 2020 sehingga Ogos 2020. Laporan berita sukan bola sepak ini diperoleh daripada laman sesawang Berita Harian dan Sinar Harian *online* menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis berasaskan kerangka teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986).

Teori Relevans

Teori Relevans(TR) ini digagaskan atas gagasan yang mendasari pandangan umum teori kognitif terhadap kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevans. Matlamat yang paling relevans ini diambil kira sejajar dengan kos memproses yang minimun semasa memproses ujaran. Prinsip relevans ini menekankan bentuk komunikasi yang mudah difahami antara penutur dengan pendengar (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992).

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyatakan bahawa dua prinsip penting dalam TR ialah andaian asas dan kesannya. Dalam membuat andaian asas ini, kognisi manusia berorientasikan relevan terhadap dirinya. Kesannya, dengan meminta perhatian tersebut, penutur akan mencipta segala penghargaan yang relevan.

Selain itu, tiga konsep penting TR yang juga diterapkan dalam penafsiran makna ialah konteks, kesan kognitif dan kos proses. Konteks membawa maksud isi atau mesej yang cuba disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Kesan kognitif merujuk kepada kesan konteks tersebut kepada otak pendengar sama ada menerima konteks yang diujarkan itu secara positif atau pun secara negatif. Ketiga ialah kos proses. Nor Hashimah Jalaluddin (2007) mengatakan bahawa dalam menginterpretasikan ujaran, selain kontek dan kesan konteks yang melatari perbualan, kos memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Kos proses ini didefinisikan sebagai usaha dalam memproseskan maklumat untuk menginterpretasikan maklumat bagi mendapatkan makna ujaran.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Ketaksaan Figuratif dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak Liga Perdana Inggeris.

Dalam menentukan kata atau ungkapan yang menimbulkan ketaksaan figuratif, pengkaji memilihnya berdasarkan definisi ketaksaan figuratif. Ketaksaan figuratif ini terjadi apabila suatu makna kata atau

ungkapan itu membolehkan beberapa penafsiran, iaitu kata atau ungkapan yang dapat difahami dalam dua atau lebih cara yang mungkin, kata atau ungkapan yang tidak jelas dan kata atau ungkapan yang tidak ketidaktentuan makna rujukannya. Dengan memahami definisi tersebut, pengkaji telah mengenal pasti 14 data yang menimbulkan ketaksaan figuratif dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak Liga Perdana Inggeris. Data-data tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Ketaksaan Figuratif

Data	Data Ketaksaan figuratif	PETIKAN AYAT	SUMBER
1	Kelahiran semula	LONDON: Jurgen Klopp disifatkan sebagai '**kelahiran semula**' pengurus legenda Liverpool yang bergabung dalam satu 'badan Jerman'.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/704518/klopp-disifatkan-kelahiran-semula-pengurus-legenda-liverpool
2	Naluri pembunuhnya	MANCHESTER: Pengurus Manchester United, Ole Gunnar Solskjaer memuji Anthony Martial yang mempamerkan peningkatan **'naluri pembunuhnya'** apabila mencipta hatrik bagi membantu kelab itu menewaskan Sheffield United 3-0 dalam saingan Liga Perdana Inggeris, awal pagi tadi.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/703906/solskjaer-puji-naluri-pembunuh-martial
3	Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran	"Jangan kejar kelab yang ternama, itu baru gambaran saja. Jangan kejar benda yang tak pasti, ambil yang pasti dulu. Takut nanti **yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran**.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/702952/elak-yang-dikejar-tak-dapat-yang-dikendong-berciciran
4	Langkah kanan	Villa mula **langkah kanan**	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/09/733857/villa-mula-langkah-kanan
5	Membuka tirai	Pada aksi tanpa penonton di Stadium Allianz Arena itu, Joshua Kimmich **membuka tirai** jaringan buat Bayern sebelum Lewandowski meledak dua gol sebelum tamat babak pertama perlawanan.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/702498/bayern-intai-peluang-rangkul-treble
6	Kurang ketajaman	ROME: Maurizio Sarri percaya Cristiano Ronaldo dan bintang lain Juventus **kurang ketajaman** di depan gawang selepas tewas Piala Itali kepada Napoli awal pagi tadi.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/701538/sarri-berang-ronaldo-kurang-tajam
7	Talian hayat	PEMAIN berstatus bintang Manchester United, Alexis Sanchez kini boleh menghela nafas lega apabila ditawarkan **talian hayat** bagi meneruskan karier bola sepaknya yang seakan malap.	https://www.sinarharian.com.my/article/89072/BERITA/Sukan/Ronaldo-beri-Sanchez-talian-hayat
8	Berputih mata	PENGENDALI Arsenal, Mikel Arteta tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya apabila sekali lagi terpaksa menyaksikan The Gunners **berputih mata** pada masa kecederaan selepas tewas 2-1 kepada Brighton pada saingan Liga Perdana Inggeris (EPL) di Stadium Amex.	https://www.sinarharian.com.my/article/88894/BERITA/Sukan/Arsenal-lepaskan-peluang
9	Tikus makmal	Menurutnya, pemain seolah-olah dijadikan **tikus makmal** untuk memberikan keuntungan dan hiburan kepada pihak lain ketika wabak ini masih menular	https://www.sinarharian.com.my/article/85123/BERITA/Sukan/Pemain-EPL-seperti-tikus-makmal

10	Epal busuk	Saya percaya tiada lagi epal busuk di dalam kelab ini lagi," katanya.	**https://www.sinarharian.com.my/article/84748/BERITA/Sukan/Solskjaer-sudah-buang-epal-busuk**
11	Kemarau gol	BAHAGIAN serangan Arsenal dijangka berdepan **kemarau gol** sekiranya Pierre-Emerick Aubameyang mengambil keputusan meninggalkan kelab London berkenaan.	https://www.sinarharian.com.my/article/84676/BERITA/Sukan/Arsenal-dijangka-berdepan-kemarau-gol
12	Meledak enam gol	Penyerang 27 tahun Leeds United itu sudah meledak enam gol dalam enam perlawanan liga pertama mereka.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/10/747897/tiga-aksi-tumpuan-liga-perdana-inggeris
13	Mencalar ego lawannya	Lampard mungkin mengharapkan penampilan sulung Thiago Silva untuk memberi nafas kepada The Blues bagi **mencalar ego lawannya** itu, manakala Klopp dijangka bergantung harap kepada Thiago Alcantara andai disenaraikan.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/09/732930/chelsea-mampu-calar-ego-liverpool
14	Melebarkan jaringan	"Kami melepaskan deretan peluang untuk **melebarkan jaringan**, sebaliknya pemain memberikan pemain Brighton peluang menjaringkan gol dan kami tidak menekan lawan selepas mereka mendahului…"	https://www.sinarharian.com.my/article/88894/BERITA/Sukan/Arsenal-lepaskan-peluang

Analisis Ketaksaan Figuratif

Dalam bahagian ini, pengkaji hanya memilih tiga data untuk dianalisis. Tiga data tersebut adalah seperti berikut:

Ketaksaan Figuratif	Data 2	Naluri pembunuhnya
	Data 6	Kurang ketajaman
	Data 8	Berputih mata

Ketaksaan figuratif terjadi apabila sesuatu makna kata itu dianalisis dalam bentuk figuratif bukannya makna literal kata tersebut. Hal ini berkait rapat dengan adanya unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya (Maheram Ahmad, 2016). Bahasa figuratif ini digunakan dalam penulisan dengan lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar.

Hasil kajian ini mendapati bahawa ketaksaan figuratif bagi frasa 'naluri pembunuhnya' (Data 2) ini timbul akibat kekeliruan dalam menginterpretasikan makna yang bukan literal.

Data	Data ketaksaan figuratif	PETIKAN AYAT	SUMBER
2	Naluri pembunuhnya	MANCHESTER: Pengurus Manchester United, Ole Gunnar Solskjaer memuji Anthony Martial yang mempamerkan peningkatan **'naluri pembunuhnya'** apabila mencipta hatrik bagi membantu kelab itu menewaskan Sheffield United 3-0 dalam saingan Liga Perdana Inggeris, awal pagi tadi.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/703906/solskjaer-puji-naluri-pembunuh-martial

Secara harfiahnya, kata ‘pembunuh’ berasal daripada kata dasar iaitu ‘bunuh’. ‘Bunuh’ membawa makna saling mencuba untuk mematikan lawan, suatu perbuatan yang dilakukan terhadap benda-benda yang bernyawa supaya mati atau mematikan.

Jadual 2: Makna Data (2)

Data (2)	**Makna**
Bunuh (kata dasar)	Melakukan sesuatu terhadap benda-benda yang bernyawa supaya mati Memgambil / menghapuskan sesuatu benda
Pembunuh	Orang yang membunuh / alat yang digunakan untuk membunuh

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jelas bahawa makna literal dan makna gramatikal bagi data (2) menunjukkan perbezaan lalu membentuk makna figuratif. Secara umumnya, dalam proses morfologi prefix peN- + bunuh bertukar menjadi pembunuh dan melahirkan makna yang berganda iaitu ‘orang yang membunuh’ atau ‘alat yang digunakan untuk membunuh’. Kedua-duanya membawa maksud yang berbeza dan menjadikan pembaca keliru dalam menginterpretasi makna yang sebenar yang cuba disampaikan oleh penulis. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa makna yang dirungkaikan di atas sememangnya tidak selaras dengan konteks laporan berita sukan bola sepak yang sebenar. Pengkaji percaya bahawa penulis sudah tentu ingin menyampaikan sesuatu maksud yang lebih jauh daripada makna linguistiknya. Dalam erti kata lain, makna linguistik yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas bukanlah makna yang sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis kerana makna linguistik tersebut banyak meninggalkan ketaksaan dalam proses penganalisian data (2) tersebut.

Bagi membantu menginterpretasi makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis dalam Data (2), kajian ini mengemukakan konteks pemula. Konteks pemula ini penting dalam menganalisis data (2) kerana makna linguistiknya sendiri telah menimbulkan ketaksaan kepada pembaca. Hal ini selaras dengan konsep teori Relevans iaitu dalam menganalisis suatu makna perlulah merujuk kepada maklumat konteks, kesan konteks dan usaha memprosesnya. Konteks pemula sangat penting dalam menginterpretasi makna kerana konteks dapat disesuaikan dengan pelbagai interpretasi makna yang cuba disampaikan oleh penulis. Oleh itu, pengkaji mengemukakan konteks pemula bagi mendapat makna sebenar data (2) seperti berikut:

> MANCHESTER: Pengurus Manchester United, Ole Gunnar Solskjaer memuji Antony Martial yang mempamerkan peningkatan ‘**naluri pembunuhnya**’ apabila mencipta hatrik bagi membantu kelab itu menewaskan Sheffield United 3-0 dalam saingan Liga Perdana Inggeris, awal pagi tadi.

Berdasarkan konteks pemula di atas, penulis laporan berita sukan ini merujuk ‘naluri pembunuhnya’ itu sebagai usaha membawa kepada kemenangan bagi pasukannya dengan adanya kata ‘menewaskan’. Apabila dibandingkan dengan makna sebenar ‘bunuh’ iaitu mencuba mematikan lawan dengan makna ‘bunuh’ yang cuba disampaikan oleh penulis iaitu menewaskan lawan, dapatlah dilihat bahawa penulis menggunakan variasi bahasa dengan membawa makna yang sama bagi konteks yang berbeza. Dengan adanya konteks pemula itu, pembaca dapat menganalisis makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis dengan membuat beberapa set andaian mengenai kerelevanan maklumat tersebut kepada diri pembaca selaras dengan apa yang dikatakan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang dimaksudkan dengan kesan konteks. Dalam aspek ini, konteks juga merangkumi masa depan hipotesis saintifik dan pemikiran penulis. Teori Relevans mementingkan kewujudan konteks dalam mengintrepretasi makna seterusnya dapat menyelesaikan masalah makna yang taksa. Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan kod, inferens, dan andaian yang akan dibuat bagi menginterpretasi makna berdasarkan konteks seperti berikut:

Analisis Teori RelevansData (2) Pembunuh

Kod	Inferens	Andaian
Pembunuh	Orang yang melakukan / alat yang digunakan / mematikan / menewaskan	a. Saling mematikan lawan b. Menggunakan sesuatu untuk mematikan c. Menggunakan sesuatu untuk menewaskan lawan d. Menewaskan lawan

Berdasarkan analisis teori Relevans di atas, beberapa set andaian telah pun dibuat bagi menginterpretasi makna Data (2). Beberapa set andaian tersebut dibuat berlandaskan makna literal Data (2) dan juga berlandaskan konteks yang diberikan dalam laporan berita sukan bola sepak yang sama. Seperti yang telah diberikan konteks pemula di atas, pengkaji dapat melihat bahawa penulis tersebut telah memberikan beberapa petunjuk bagi makna sebenar Data (2) kepada pembaca. Pengkaji mendapati bahawa andaian (d) merupakan andaian yang paling relevan bagi mencerminkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis dalam penulisan laporan beritanya. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, melalui konteks pemula sudah jelas menyatakan bahawa Data (2) iaitu naluri pembunuhnya itu membawa kepada kekalahan pihak lawan bukannya membawa kepada kematian.

Seperti yang diketahui, penggunaan peN- memberikan dua makna iaitu orang yang melakukan atau alat yang digunakan untuk melakukan sesuatu. Pengkaji mendapati bahawa dengan adanya konteks tambahan yang diberikan oleh penulis menunjukkan bahawa Data (2) tidak memaksudkan alat. Penulis memaksudkan orang yang melakukan sesuatu kerana terdapat subjek dihadapan ayat iaitu 'Antony Martial'. Oleh itu, andaian (b) dan (c) merupakan andaian yang salah dan lemah serta perlu digugurkan. Proses ini dikenali sebagai kesan konteks dalam teori Relevans yang memerlukan pembaca untuk membuat penggabungan, penguatan dan pengguguran dalam menginterpretasi makna yang taksa. Berdasarkan Data (2) di atas, penulis memberitahu bahawa Antony Martial mempamerkan peningkatan 'naluri pembunuhnya' dengan mencipta hatrik melalui konteks pemula di atas.

Hatrik merupakan satu istilah yang digunakan dalam bola sepak yang membawa makna penjaringan tiga gol oleh pemain yang sama dalam satu perlawanan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penulis juga telah menerangkan makna hatrik dalam laporan berita sukannya pada perenggan kedua iaitu "Martial meledak dua gol pada babak pertama dan melengkapkan hatrik pertamanya di peringkat senior pada babak kedua perlawanannya yang berlangsung di Old Trafford". Perkara ini jelas menerangkan bahawa Antony Martial tidak menggunakan sebarang alatan dalam menewaskan pasukan lawannya dan hatrik bukanlah satu teknik perlawanan atau sesuatu yang boleh dikategorikan sebagai alatan. Maklumat tambahan juga diberikan oleh penulis bagi menyatakan bahawa andaian (d) merupakan andaian yang paling relevan adalah seperti berikut:

> Solskjaer mengakui Martial memainkan peranan penting dalam kemenangan itu dan bukti kerja keras pemain berkenaan ketika sesi latihan berbaloi.

Maklumat tambahan di atas menunjukkan bahawa Antony Martial tidak menggunakan apa-apa alatan dalam mendapatkan kemenangan bagi pihak pasukannya selain kerja keras yang dilakukan sepanjang sesi latihan. Dengan adanya maklumat tambahan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa andaian (d) merupakan andaian yang paling relevan iaitu bunuh disini dimaksudkan dengan mengalahkan atau menewaskan. Bagi usaha memproses pula, dalam menginterpretasi makna, Sperber dan Wilson (1986) menyatakan bahawa semakin rendah sesuatu usaha memproses maklumat, semakin relevanlah sesuatu ujaran. Dalam analisis data (2) ini, ternyata pembaca memerlukan usaha memproses maklumat yang rendah kerana adanya konteks pemula dan juga maklumat tambahan yang diberikan oleh penulis dalam penulisannya membuatkan pembaca mudah untuk mendapatkan makna sebenar

data (2) setelah membaca keseluruhan konteks. Dengan itu, andaian (d) merupakan andaian yang mempunyai kerelevanan yang tinggi kerana dengan maklumat konteks dan kesan konteks yang ada membantu dalam menginterpretasi makna sebenar seterusnya membuatkan usaha memproses maklumat tersebut mudah difahami.

Seterusnya, data yang mengalami ketaksaan figuratif ialah Data (6) iaitu 'kurang ketajaman'.

Data	Data ketaksaan figuratif	PETIKAN AYAT	SUMBER
6	Kurang ketajaman	ROME: Maurizio Sarri percaya Cristiano Ronaldo dan bintang lain Juventus **kurang ketajaman** di depan gawang selepas tewas Piala Itali kepada Napoli awal pagi tadi.	https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/06/701538/sarri-berang-ronaldo-kurang-tajam

Bagi Data (6) iaitu 'kurang ketajaman', kata 'ketajaman' itu sendiri membuatkan pembaca keliru dalam menginterpretasikan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis dalam laporan berita sukan bola sepak. Disebabkan, makna literal bagi kata dasar 'ketajaman' iaitu 'tajam' merupakan makna lain daripada makna gramatikal 'ketajaman'. Oleh itu, pengkaji akan menyatakan makna literal dan juga makna gramatikal yang menunjukkan perbezaan antara kedua-duanya seperti berikut:

Jadual 3: Makna Data (6)

Data (6)	**Makna**
Kata Dasar – Tajam	mudah memotong, mengerat
Ketajaman	Keadaan atau sifat tajam seperti pisau atau fikiran, alat pengukur

Berdasarkan Jadual 3 di atas, makna figuratif didapati terus berubah daripada makna literal kata dasarnya. Hal ini terjadi apabila 'kurang' dan 'ketajaman' digabungkan menjadi frasa telah menyebabkan lahirnya makna baharu. Dalam konteks ini, data (6) iaitu 'kurangnya ketajaman' telah membawa makna yang berganda, iaitu keadaan yang kurang menyentuh perasaan atau menghiris perasaan atau sifat pemikiran seseorang yang kurang meyakinkan. Apabila dilihat pada jadual di atas, makna gramatikal ini berbeza dengan makna literal kata dasar data (6) tersebut. Kata dasar bagi kata tajam (Data 6) menunjukkan bahawa makna literal dengan makna gramatikal sangat berbeza kerana setiap pembentukan kata sebenarnya sudah jelas tetapi kombinasi pembentukan kata tersebut yang mengakibatkan maknanya dapat diertikan lebih daripada satu makna.

Penyimpangan makna daripada bentuk-bentuk gramatikal yang sama lazim terjadi dalam pelbagai bahasa. Disebabkan itu, data (6) ketajaman memberikan makna yang berbeza daripada makna kata dasarnya. Namun begitu, makna semantik sahaja tidak dapat memberikan makna yang jelas mengenai makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Data (6) ini diambil dalam laporan berita atas talian berita sukan bola sepak yang bertajuk 'Sarri berang Ronaldo kurang 'tajam' yang dipetik melalui lawan web Berita Harian bertulis pada 18 Jun 2020. Disebabkan makna semantik sahaja tidak dapat membantu dalam menganalisis makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis, maka pengkaji akan menganalisis makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis dengan menggunakan Teori Relevans. Sebelum itu, pengkaji akan mengemukan petikan ayat yang ditulis sebagai konteks pemula dalam menginterpretasikan makna bagi Data (6).

> ROME: Maurizio Sarri percaya Cristiano Ronaldo dan bintang lain Juventus kurang ketajaman di depan gawang selepas tewas Piala Itali kepada Napoli awal pagi tadi.

Berdasarkan petikan ayat di atas, makna yang cuba disampaikan oleh penulis dengan kata ‘kurang ketajaman’ ialah kurang kemahiran, kurang memberangsangkan. Perkara ini jelas menunjukkan perbezaan makna yang diberikan berdasarkan konteks dan juga makna yang terdapat dalam semantik itu sendiri. Oleh itu, teori Relevans digunakan dalam menginterpretasi makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis bagi data yang mengalamai ketaksaan. Dalam teori Relevans, pengkaji diminta untuk membincangkan kod, inferens, dan andaian yang akan dibuat bagi membantu dalam melengkapkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Hal ini selaras dengan konsep teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang mengatakan bahawa kerelevanan ujaran bergantung kepada tiga elemen, iaitu konteks, kesan konteks, dan usaha memproses dalam penghuraian makna sebenar sesuatu kata itu. Dalam pada itu, pengkaji akan menyatakan kod, inferens, dan andaian yang dapat dibuat berdasarkan konteks dan kesan konteks yang diperoleh.

Analisis Teori Relevans Data (6): Ketajaman

Kod	**Inferens**	**Andaian**
Ketajaman	Memberangsangkan / kecergasan / fikiran / keras / bisa	a. Kemahiran yang memberangsangkan atau cergas b. Pemikiran yang jelas c. Kata-kata yang berbisa / menyakitkan hati d. Suatu benda yang keras

Dengan analisis teori Relevans, ternyata Data (6) ‘ketajaman’ lebih mudah untuk difahami oleh pembaca. Inferens yang dibuat dalam jadual di atas adalah berdasarkan makna yang terdapat dalam semantik dan juga makna yang diperoleh berdasarkan konteks pemula tadi. Melalui inferens ini, pengkaji dapat mengemukakan beberapa andaian yang dibuat bagi menuju ke arah pengembangan konteks pemula yang dinyatakan sebelum ini. Berdasarkan analisis teori Relevans di atas, pengkaji dapat menyatakan bahawa andaian (a) iaitu suatu kemahiran yang memberangsangkan atau kemahiran yang menunjukkan kecergasan merupakan andaian yang paling relevan. Hal ini disebabkan oleh andaian-andaian lain tidak menunjukkan kerelevanannya terhadap konteks laporan berita sukan bola sepak.

Bagi mengukuhkan lagi andaian (a) yang merupakan andaian yang paling relevan, pengkaji juga akan memberikan satu petikan laporan berita sukan bola sepak sebagai maklumat tambahan selaras dengan idea dalam menginterpretasi mengikut teori Relevans. Teori Relevans mementingkan kewujudan konteks dalam interpretasi makna dapat menyelesaikan masalah makna yang taksa (Monica Liaw Kah Pei & Mary Fatimah Subet, 2018). Konteks dalam teori Relevans memainkan peranan penting kerana konteks biasanya dapat disesuaikan dengan pelbagai interpretasi makna yang hendak disampaikan. Oleh itu, maklumat tambahan bagi mengukuhkan lagi andaian (a) adalah seperti berikut:

> Sarri berkata Ronaldo dan rakan penyerang lain kurang tahap kecergasan diperlukan selepas tidak bermain perlawanan kompetitif sejak lebih tiga bulan.

Berdasarkan maklumat tambahan di atas, jelas menunjukkan bahawa penulis menerangkan makna sebenar ‘kurang ketajaman’ iaitu kurang tahap kecergasan. Disebabkan itu, dengan menggunakan prinsip teori Relevans ini, pengkaji lebih mudah menginterpretasi makna sebenar data (6) yang menjadi taksa. Muhammad Fauzi Jumingan (2003) menyatakan bahawa andaian yang mempunyai kerelevanan optimal sahaja yang akan diproses. Andaian yang lemah akan digugurkan serta-merta. Ketepatan dan kerelevanan andaian (a) merupakan makna yang sebenar yang dapat dibuktikan melalui dengan adanya konteks pemula dan maklumat tambahan. Dengan ini, teori Relevans telah menunjukkan bahawa teori ini mampu untuk menginterpretasi makna sebenar selaras dengan

pendapat Sperber dan Wilson (1986) iaitu suatu andaian itu mestilah dihubungkan dengan konteks bagi melahirkan implikasi atau kesan konteks.

Seterusnya, ketaksaan figuratif yang dikenal pasti adalah Data (8) 'berputih mata'. Ketaksaan figuratif memerlukan pengkaji untuk mengenal pasti makna figuratif yang terdapat dalam kata tersebut bukannya makna literalnya.

Data	Data ketaksaan figuratif	PETIKAN AYAT	SUMBER
8	Berputih mata	PENGENDALI Arsenal, Mikel Arteta tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya apabila sekali lagi terpaksa menyaksikan The Gunners **berputih mata** pada masa kecederaan selepas tewas 2-1 kepada Brighton pada saingan Liga Perdana Inggeris (EPL) di Stadium Amex.	https://www.sinarharian.com.my/article/88894/BERITA/Sukan/Arsenal-lepaskan-peluang

Dalam Data (8), makna figuratif 'berputih mata' ialah makna yang terlahir setelah kedua kata digabungkan dan bersifat lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya. Makna 'berputih mata' itu sendiri membawa makna kata yang bersifat kiasan atau lambang keberhasilan seorang penulis itu mengolah penulisannya sebagai bahasa kreatif yang sifatnya imaginatif. Makna figuratif telah diberikan seperti yang berikut:

Jadual 4: Makna Figuratif Data (8)

Data (8)	**Makna Figuratif**
Berputih mata Kata Dasar – putih mata	endapat malu A. Kurang senang atau sakit hati (melihat perbuatan tidak senonoh, menunggu lama-lama) B. Terlepas (peluang dan lain-lain)

Berdasarkan Jadual 4 di atas, makna 'berputih mata' telah pun dapat diketahui secara figuratifnya. 'Berputih mata' membawa makna seseorang itu yang mendapat malu atas perbuatannya atau pun perbuatan orang lain terhadapnya. Makna lain bagi 'putih mata' pula terlepas peluang atau terlepas kesempatan dalam melakukan atau mendapatkan sesuatu. Daripada Jadual 4 di atas dapat dilihat bahawa makna figuratif bagi Data (8) sememangnya menunjukkan ketaksaan iaitu menimbulkan kekeliruan bagi pembaca dalam mengenal pasti makna yang sebenar dalam kesemua makna yang diberikan di atas.

Jika dilihat berdasarkan makna literal, makna bagi kata 'putih' dan 'mata' itu membawa makna yang berbeza antara satu sama lain. 'Putih' membawa makna warna iaitu warna yang paling cerah seperti warna kapas berlawanan dengan warna hitam. 'Putih' juga membawa makna lurus hati, jujur dan baik hati seperti suka menolong orang, bersih, suci dan sebagainya. Manakala mata membawa maksud alat pancaindera yang terdapat pada muka manusia atau binatang yang digunakan untuk melihat. Selain pancaindera, 'mata' juga membawa makna markah, skor, agregat, kredit dan seangkatan dengannya. Namun, jika digabungkan kedua-dua leksikal tersebut, maka terlahirkan makna baharu yang jauh berbeza daripada makna asal leksikal-leksikal tersebut.

Apabila dilihat makna figuratif dengan makna literal suatu kata itu, jelas ternyata perbezaan antara kedua-duanya, dan dalam menganalisis ketaksaan figuratif, pengkaji perlu melihat kepada makna figuratif itu sendiri terlebih dahulu. Berdasarkan Jadual 4 di atas, penulis laporan berita sukan bola sepak tersebut ingin menyatakan bahawa terdapat kekecewaan dalam perlawanan yang telah berlangsung itu. Walau bagaimanapun, makna linguistik tersebut jelas tidak memaparkan makna

sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis kerana masih belum jelas makna yang manakah yang selaras dengan konteks laporan berita sukan tersebut. Dalam menganalisis ketaksaan figuratif Data

(8) ini, kerelevanan makna yang sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis amatlah dititikberatkan dalam teori Relevans ini. Sperber dan Wilson (1986) menyatakan bahawa kerelevanan sesuatu kata itu bergantung kepada tiga elemen, iaitu, konteks, kesan konteks, dan usaha memproses dalam menghuraikan makna sesuatu kata tersebut. Oleh itu, pengkaji juga akan menyatakan proses pengekodan, inferens, dan andaian berdasarkan konteks dan kesan konteks seperti berikut:

Analisis Teori RelevansData (8) Berputih Mata

Jadual 5: Analisis Teori RelevansData (8)

Kod	**Inferens**	**Andaian**
Berputih mata	Malu / sakit hati / tidak selesa / terlepas peluang / tidak mendapat apa-apa yang diinginkan.	a. Malu akibat perbuatan seseorang b. Sakit hati / tidak selesa dengan perangai seseorang c. Kurang senang dengan melihat perkara yang tidak senonoh d. Terlepas peluang untuk mendapatkan / membuat sesuatu

Berdasarkan Jadual 5 di atas, kesemua andaian telah dibuat berdasarkan makna biasa dan juga makna figuratif yang diperoleh untuk merungkai mkan yang betul dan tepat seperti yang dimaksudkan oleh penulis dalam laporan berita sukannya. Daripada empat andaian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa andaian (d) merupakan andaian yang paling relevan dalam laporan berita sukan bola sepak. Makna tersirat ini sudah tentu dipengaruhi oleh konteks. Sperber dan Wilson (1986) mengatakan bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks hanya jika andaian tersebut mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut. Konteks merupakan satu set andaian yang terdapat dalam menginterpretasi maklumat yang ditulis oleh penulis. Semakin tinggi kesan konteks sesuatu andaian itu, semakin tinggi kerelevanan kata tersebut (Nor Hashimah Jalaluddin, 1991). Justeru itu, pengkaji akan menyatakan petikan yang diambil daripada laporan berita sukan bola sepak tersebut bagi mengukuhkan lagi kerelevanan andaian (d).

> "Kami **melepaskan deretan peluang** untuk melebarkan jaringan, sebaliknya pemain memberikan pemain Brighton peluang menjaringkan gol dan kami tidak menekan lawan selepas mereka mendahului…"

Petikan di atas merupakan maklumat tambahan bagi membantu dalam menginterpretasi makna yang sebenar bagi Data (8) 'berputih mata'. Dengan maklumat tambahan yang diperoleh, pengkaji berpendapat bahawa ketaksaan figuratif ini dapat dirungkai dengan menggunakan teori Relevans. Frasa 'melepaskan deretan peluang' jelas menunjukkan bahawa Arsenal terlepas peluang untuk menang dalam perlawanannya itu. Setelah digabungkan maklumat terdahulu, maklumat tambahan dan juga makna figuratif bagi Data (8) tersebut, pengkaji mendapati bahawa andaian (d) dapat berdiri kukuh dan andaian-andaian lain didapati lemah dan digugurkan. Kebenaran dan kesahan andaian (d) dapat dibuktikan melalui penguatan maklumat dengan ensiklopedia pembaca yang sedia ada. Dengan itu, jika digabungkan kesemua maklumat ensiklopedia pembaca dengan kesemua andaian yang dikemukakan dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi dan seterusnya dapat menginterpretasi makna sebenar yang cuba disampaikan oleh penulis.

Justeru itu, kajian ini mendapati bahawa andaian (d) yang dikemukakan merupakan andaian yang sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan usaha memproses yang banyak. Tambahan lagi,

usaha memproses sangat rendah dan mudah disebabkan terdapatnya konteks pemula yang terdapat pada tajuk laporan berita itu sendiri. Apabila usaha memproses maklumat mudah, maka relevenlah ujaran tersebut dan begitu juga sebaliknya (Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020).

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian mendapati bahawa ketaksaan figuratif terjadi akibat daripada ketidaktentuan dalam pemprosesan maklumat kerana terdapat lebih daripada satu tafsiran bagi kata yang menjadi taksa tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan pembentukan makna kata yang figuratif turut mengubahkan makna literal suatu kata itu. Di samping itu, ketaksaan figuratif dalam penulisan laporan berita sukan bola sepak adalah bertujuan untuk menyebarkan maklumat kepada khalayak melalui penulisan yang kreatif dan bersifat imaginatif. Pada masa yang sama, ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak turut menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang kaya dengan nilai estetika bahasa.

Bibliografi

Andini, I. (2014). Ketaksaan Tindak Tutur Dalam Wacana Humor Pada Acara Sentilan Sentilun Di Metro Tv. *Bahtera: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, *13*(1), 11 - 19. https://doi.org/10.21009/BAHTERA.131.02

Ehineni, T. O. (2014). A Syntactic Analysis of Lexical and Functional heads in Nigerian newspaper headlines. International Journal of Linguistics. 6 (5): 9-21

Ehineni, T. O. (2014). Lexical, Structural and Rhetorical Features of Nigerian English Print Media. *Journal of Arts & Humanities*, Vol. 3 No. 11 (2014): November.

Ekawati, M., & Wijayanti, A. (2017). KETAKSAAN JUDUL BERITA DAN IMPLIKASINYA PADA PEMBACA. Seminar Nasional Riset Inovatif, 5, 644-652. Retrieved from https://eproceeding.undiksha.ac.id/index.php/senari/article/view/986

Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. Internasional Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 06(2017), 13-24

Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Li, Y., Zhang, D., & Du, W. (2014). A case analysis of lexical features in english broadsheets and tabloids. *International Journal of English Linguistics*, 4(4), 115-122.

Monica Liaw Kah Pei & Mary Fatimah Subet. (2018). Semangat Patriotik Masyarakat Cina: Analisis Teori Relevans. *Trends in Undergraduate Research* (2018) 1(1): f1-9.

Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim. (2019). Kohesi dalam warkah sosial Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19. *Jurnal Bahasa*, *19*(1), 139-168).

Sperber & Wilson. (1995). *Relevance Communication & Cognition (Second Edition)*. Blackwell Publisher LTD. United Kingdom.

Subet, M., & Jalaluddin, N. (2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, *14*(1), 28-44. Retrieved from http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4289

Wong, S. (2017). Makna Tambahan dalam Penyataan Keputusan Perlawanan Sukan secara Implisit. *Jurnal Bahasa*, *17*(1), 174-192. Retrieved from http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/1165

Wong Shia Ho. (2013). *Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans*. Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11.

Zakeria, S. Z., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2014). Makna Penutur dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *5*, 207 - 240. Retrieved from https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1202

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam Realiti Kehidupan dan Realiti Kehidupan dalam Bahasa Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication. Jilid 34(2) 2018: 338-353 E-ISSN: 2289-1528 https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-21

Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu. Jurnal Linguistik . Vol. 24 (1) Jun 2020 (033-050)

Biodata Penulis

Abir Wardati Nasruddin merupakan pelajar sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Zuraini Jusoh ialah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Sharil Nizam Sha'ri ialah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Zaitul Azma Zainon Hamzah berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Melayu dari Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik, penelitian kualitatif dalam kajian bahasa dan pendidikan awal kanak-kanak.